

## Cara atasi pesilat muda hilangkan diri

MASALAH pesilat muda yang sering menghilangkan diri sebaik saja tamat menjalani latihan boleh diatasi jika mereka diberi tanggungjawab membimbing pesilat baru.

Usaha ini akan membuat mereka berasa diperlukan dan dapat terus membantu meningkatkan prestasi persilatan.

Saranan itu dibuat oleh Setiausaha Agung Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Encik Mohamad Kaspari, semasa ditemui dalam majlis penyampaian

talipinggang tamat ujian dan sijil bagi pesilat Persatuan Silat Setia Hati (Esha) baru-baru ini.

Encik Kaspari berkata masalah pesilat muda yang menghilangkan diri setelah lulus ujian harus diberi perhatian.

Naib Pengerusi Esha itu menambah: "Salah satu daripada cara mengatasinya ialah dengan mengiktiraf mereka sebagai pembimbing pesilat yang lebih muda setelah mereka tamat menjalani peringkat tertentu."

Selain daripada itu, katanya, corak latihan persilatan juga harus dimajukan selaras dengan kedudukan silat yang telah diterima di peringkat antarabangsa. **22 JUN 1989**

Anggota Parlimen Kawasan-undi Ayer Rajah, Dr Tan Cheng Bock, turut hadir dalam majlis itu untuk menyampaikan talipinggang dan sijil sempena ulang tahun Esha ke-11 di Balai Rakyat Ayer Rajah.

## Pesaka minta

B. Harian (M)  
**MOM**

22 JUN 1989  
**rahsiakan**



Oleh MOHD RAHIME YUSOF

PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) meminta kerjasama Majlis Olimpik Malaysia (MOM) supaya merahsiakan senarai 10 pesilat lelaki dan lima wanita bagi skuad Sukan SEA XV, Ogos ini buat sementara.

Badan induk silat itu sudah memilih senarai penuh pesilat dalam mesyuarat di Kuala Lumpur malam kelmarin.

Bagaimanapun Pesaka bercahaya mengumumkannya sewaktu latihan pusat kebangsaan di Bangi pada 17 Julai ini.

Penolong Setiausaha Pesaka, Sulaiman Sarijan, berkata Pesaka turut mendapat persetujuan MSN untuk memanggil pesilat yang digurukan mengikuti latihan, bulan depan sebagai rakan pelatih.

Katanya, sekalipun Pesaka mengemukakan senarai 15 pesilat kepada MOM, ia tetap menjadi rahsia kepada umum.

Ini, jelas beliau, bagi mengelakkan nama pesilat yang terpilih itu diketahui oleh pihak lawan terutama Indonesia dan Singapura.

Selain itu, kata Sulaiman, ia

juga bertujuan tidak mengecewakan 28 pesilat yang mengikuti latihan pusat.

Beliau mengakui jawatankuasa pemilihan menghadapi masalah dalam menamakan senarai terakhir 15 pesilat dalam mesyuarat itu. Ia kerana kesemua mereka setanding dan berwibawa untuk bertanding pada Ogos ini," katanya.

Harian Sukan difahamkan, Pesilat Terbaik Dunia '87, Wan Aminuddin Zaki Abu Bakar, pemenang pingat emas dan perak Kejuaran Dunia, Ahmad Wardi Salim dan Normala Yaacob akan mengetuai cabaran skuad negara nanti.

Bagaimanapun, Sulaiman berkata: "Jangan anggap semua juara kebangsaan dan pesilat yang pernah memenangi pingat di kejohanan antarabangsa terpilih secara automatik."

Sungguhpun begitu, beliau percaya 15 pesilat yang disenaraikan itu boleh mengutip lebih lima pingat emas, Ogos ini.

Di Sukan SEA Jakarta '87, Malaysia mengutip dua pingat emas, tiga perak dan lapan gangsa.

## KEJOHANAN SEDUNIA DI BALI

B. Harian (M)

29 JUN 1989

## Maiza sedia rebut peluang



PEMENANG pingat gangsa kelas A kebangsaan, Maiza Bakri, akan mengetuai cabaran daerah Pontian di Kejohanan Silat Negeri Johor, di Kota Tinggi, bermula pagi ini hingga 1 Julai.

Ratu Silat Johor itu dijangka tidak menghadapi masalah mengekalkan kejuaraan kali kedua, Sabtu ini dan sekaligus membawa cabaran negeri itu di Kejohanan Kebangsaan, di Melaka, November ini.

Maiza, 19, gagal ke perlawanan akhir kejohanan kebangsaan tahun lalu apabila kecundang kepada pemenang pingat perak kejohanan dunia, Normala Yacob dari Selangor.

Bagaimanapun, peluang Maiza mewakili negara ke Kejohanan Silat Sedunia, di Bali, Indonesia tahun depan masih cerah jika menjuarai kejohanan kebangsaan nanti.

Sementara itu, naib juara silat Kelas H kebang-

saan, Zulfakar Majid, akan mengetuai daerah Johor Bharu mempertahankan kejuaraan keseluruhan peringkat negeri.

Manakala pemenang pingat gangsa kebangsaan, Azlina Kassim pula memikul tugas sebagai pencabar bahagian wanita daerah itu.

Di kejohanan peringkat daerah minggu lalu, Persatuan Silat Peradin Cemadir, Pasir Gudang keluar sebagai juara keseluruhan.

Jurulatih silat Johor Bharu, Ibrahim Mohamad, berkata walaupun tidak dapat membuat persediaan rapi menghadapi kejohanan negeri, beliau yakin pesilat-pesilatnya berupaya mempamerkan kewibawaan masing-masing. **SUKSES**

Pencabar utama Johor Bharu ialah daerah Muar dan Batu Pahat. Manakala, Pontian dijangka menguasai bahagian wanita yang selain Maiza Bakri, juga menurunkan Laili Ahmad.